

BAHASA MELAYU
UPSR (ARAS TINGGI)
KERTAS 1

<http://tatabahasabm.tripod.com>

BAHAGIAN A

Baca petikan-petikan di bawah dengan teliti kemudian jawab soalan-soalan berikutnya :

Pada malam yang sunyi itu, kedengaran suara orang merungut-rungut. Suara itu adalah suara Halim. Nyamuk –nyamuk yang berterbangan di atas kepala dan mengigitnya telah mengganggu tidurnya sejak tadi. Sambil mengaru-garu tempat gigitan nyamuk, dia bangun lalu membuka lampu. Besok dia terpaksa menghantar ayam-ayam itu kepada Pak Leman, seperti yang dijanjikan. Ini bermakna dia terpaksa bangun awal. Hatinya menjadi resah !.

Halim *mengelamun*. Berbagai-bagai fikiran bermain di kepalanya. Tiba-tiba dia mendapat satu akal. Esok, dia akan membeli kelambu. Kelambu itu akan melindungi dia dan keluarganya. Dia tersenyum . Tiba-tiba senyumannya hilang. “Dapatkah kelambu itu menghapuskan nyamuk?” fikiran. “Apakah yang menyebabkan nyamuk begitu banyak?” Soalan ini bermain dikepalanya.

Halim terus berfikir panjang. Suatu kesedaran timbul dalam dirinya. Dia sedar bahawa dialah yang bertanggungjawab. Dia menyesal kerana selama ini dia tidak pernah membersihkan kawasan di sekeliling rumahnya. Akibatnya, kawasan di sekeliling rumahnya sangat kotor. Longkang-longkang di sekeliling rumahnya penuh dengan sampah sarap dan air yang bertakung di situ telah menjadi tempat nyamuk membiak. Tin-tin dan botol-botol kosong elalu sahaja dibuangnya ke dalam semak samun yang berhampiran dengan rumahnya. Semak samun dan rumput rampai tidak pernah ditebasnya.

Halim mengambil satu keputusan yang tegas. Esok petang, dia akan membersihkan seluruh kawasan di sekeliling rumahnya. Dia akan menanam tin-tin, botol-botol atau lain-lain barang yang dapat menakung air. Dia akan memastikan bahawa kawasan di dalam dan di luar rumahnya sentiasa bersih. Setelah memikirkan segala-galanya Halim cuba tidur dengan keazaman yang baru.

1. Perkataan *merungut-rungut* boleh digantikan dengan
 - A. mengeluh
 - B. bersungut-sungut
 - C. bercakap-cakap
 - D. menyesal

2. Mengapakah agaknya Halim menjadi resah ?
 - A. kerana dia di gigit nyamuk
 - B. kerana dia lupa hendak menghantar ayam-ayam kepada Pak Leman
 - C. kerana dia tidak dapat bangun awal pada keesokan paginya
 - D. kerana dia tidak mempunyai kelambu

3. Perkataan melamun bermaksud
 - A. Mengkaji
 - B. Menggerutu
 - C. memikirkan sesuatu
 - D. menyentuh

4. Apakah yang di kesalkan oleh Halim ?
 - A. tidak dapat tidur dengan nyenyak
 - B. selama ini dia tidak membeli kelambu
 - C. selama ini dia tidak pernah menjaga kebersihan kawasan di sekeliling rumahnya
 - D. selama ini dia tidak menghapuskan nyamuk

5. Pernyataan –pernyataan berikut berkaitan dengan petikan di atas **kecuali**
 - A. air yang bertakung di longkang-longkang menjadi tempat pembiakan nyamuk
 - B. keadaan di sekeliling rumah Halim sangat kotor
 - C. keluarga Halim tidur dirumah Halim tanpa kelambu
 - D. Halim telah menebaskan semak samun di keliling rumahnya

Baca ucapan di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya

PERASMIAN KEJOHANAN OLAHRAGA KAWASAN SELATAN

Yang mulia Tuan Pengerusi Majlis, yang berbahagia Tan Sri Dato' Mohd. Rashdan bin Baba (Pengerusi Eksekutif Telekom Malaysia), Encik Baharom bin Salleh (Pengurus Telekom Malaysia), dif-dif jemputan, tuan-tuan dan puan-puan sidang hadirin sekalian.

Assalamualaikum dan selamat sejahtera

Saya , Abdul Halim Hussain, Selaku Pengurus Telekom Malaysia Kawasan Selatan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tan Sri Dato' Rashdan kerana sudi hadir dan seterusnya merasmikan Kejohanan Olahraga Kawasan Selatan bagi kali yang keempat.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih saya kepada semua urus seti yang telah bersusah payah bagi memastikan kejohanan ini dapat berjalan dengan lancar. Alhamdulillah , sekali lagi kakitangan Telekom Kawasan Selatan dapat berinteraksi dan beradu tenaga dalam acara-acara sukan yang dipertandingkan. Saya berharap semua peserta akan dapat menunjukkan **prestasi** yang cemerlang dan penuh semangat kesukanan di samping mengeratkan silaturahim antara kita.

Saya yakin semua peserta akan lebih bersemangat lagi dengan kehadiran yang berbahagia Tan Sri Dato' Mohd Rashdan . Walaupun sibuk dengan pelbagai tugas namun kakitangan Telekom Malaysia Kawasan Selatan tetap menyokong sebarang kegiatan sukan yang di adakan di kawasan ini. Hal ini kerana melalui sukan sahaja badan kita akan cergas dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti dalam pekerjaan. Untuk tujuan itu berbagai-bagai kelengkapan dan kemudahan sukan telah di sediakan oleh pihak Telekom sebagai membuktikan komitmen nereka dalam bidang sukan.

Akhir kata, pihak Telekom Malaysia Kawasan Selatan ingin melihat kakitangannya maju dalam sukan dan juga mencapai mutu perkhidmatan yang cemerlang. Kita mahu kedua-duanya seimbang. Kepada semua peserta saya mengucapkan selamat maju jaya. Semoga lebih banyak kegiatan seperti ini di anjurkan untuk manfaat kita bersama. Majulah Sukan Untuk Negara.

Sekian , wassalam.

6. Siapakah personaliti yang berikut, menjawat jawatan tertinggi di kalangan mereka ?
 - A. Encik Baharom bin Salleh
 - B. Abdul Halim Hussain
 - C. Abdul Halim Hassan
 - D. Tan Sri Dato' Mohd. Rashdan

7. Apakah tujuan Tan Sri Dato' Mohd. Rashdan di jemput ke Kejohanan Olahraga Kawasan Selatan ini ?
 - A. sebagai penasihat kejohanan
 - B. sebagai penonton kejohanan
 - C. sebagai perasmi kejohanan
 - D. sebagai hakim kejohanan

8. Yang manakah antara berikut **bukan** tujuan kejohanan ini diadakan ?
 - A. untuk mengeratkan silaturahmi
 - B. untuk mencapai prestasi yang cemerlang
 - C. untuk memilih calon-calon yang layak dalam SUKOM 98'
 - D. untuk meningkatkan semangat kesukanan

9. Perkataan **prestasi** dalam petikan ini boleh diganti dengan
 - A. potensi
 - B. persaingan
 - C. pencapaian
 - D. penilaian

10. Apakah inisiatif pihak Telekom dalam menjayakan kejohanan ini ?
 - A. menyediakan kelengkapan sukan
 - B. menyediakan pelbagai program sukan
 - C. menjemput Tan Sri Dato' Mohd. Rashdan
 - D. memilih kakitangan yang aktif dalam sukan

Sila baca puisi di bawah dan jawab soalan-soalan berikutnya

Kail mengena si ikan jelawat,
Ditangkap nelayan bersama lokan ;
Ekonomi negara semakin gawat,
Tenangkan hati menerima ujian

Indah berseri hiasan jati,
Jati tumbuh di puncak bukit;

Jangan berbelanja sesuka hati,
Ada wang lebih simpanlah sedikit.

Petang redup pergi ke pekan,
Pergi ke pekan menaiki basikal:
Belanja sekolah boleh dikurangkan,
Galakkan anak membawa bekal.

Pergi ke surau bersama-sama rakan ,
Singgah sebentar di rumah Noja;
Barang tempatan patut diutamakan,
Jenama luar lupakan sahaja.

Anak kecil berhidung mancung,
Pandai mengaji sopan tuturnya;
Jika tergerak untuk melancong,
Negara sendiri patut diutama.

Gadis manis tersedu-sedu,
Ditinggalkan bonda dalam bahtera;
Marilah kita bersatu padu,
Negara aman Rakyat sejahtera.

11. Apakah jenis puisi di atas?
 - A. Syair
 - B. Gurindam
 - C. Pantun nasihat
 - D. Pantun adat

12. Pernyataan yang berikut betul tentang pantun *kecuali*
 - A. pantun mempunyai pembayang dan maksud
 - B. pantun mempunyai antara 8-12 sukukata
 - C. pantun mempunyai rima yang sama
 - D. pantun di atas ialah pantun empat kerat

13. Manakah antara yang berikut BUKAN harapan penulis ?
 - A. Berjimat cermat
 - B. Tenangkan fikiran menghadapi dugaan
 - C. Teruskan bersatu padu
 - D. Mengaji dan berkelakuan sopan

14. Pernyataan yang berikut ada kaitan dengan ungkapan *tenangkan hati menerima ujian* **kecuali**
 - a. tidak menimbulkan kekecohan
 - b. selalu beringat bahawa kehidupan kita tidak selamanya mewah
 - c. setiap ujian yang kita terima perlu dihadapi kerana ada nikmatnya
 - d. kesusahan berlaku atas kesilapan manusia sendiri

Baca surat di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan berikutnya

Jalan utama,
Taman Sungai Serada,
21300, Manir
Terengganu.

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Terengganu,
20200 Kuala Terengganu

Tuan,

Masalah Kekotoran

Dengan hormatnya, saya selaku wakil penduduk Taman Sungai Serada berasa kecewa kerana pihak Majlis Perbandaran Kuala Terengganu masih belum mengambil sebarang tindakan terhadap masalah di atas.

Saluran najis di kawasan perumahan kami tersumbat dan mengakibatkan tangki najis itu pecah. Apabila tangki pecah, najis melimpah keluar. Keadaan ini tidak menyenangkan kami kerana penduduk yang terpaksa menutup pintu dan tingkap sehari suntuk bag imengelakkan bau busuk itu masuk ke dalam rumah. Kami sudah tidak tahan lagi dengan bau busuk itu yang sekaligus menghilangkan selera makan. Masalah ini bertambah teruk apabila hari hujan. Tangki najis yang pecah itu menyebabkan air najis mengalir ke kawasan-kawasan lain. Akibatnya penduduk di taman ini menghadapi berbagai-bagai jenis penyakit kulit.

Selain itu, sampah sarap tidak diangkut berminggu-minggu oleh MPKT. Keadaan ini menyebabkan sampah sarap bersepah di sana sini akibat diselongkar oleh kucing dan anjing liar. Sesetengah penduduk pula membuang sampah sarap ke dalam parit. Air parit tidak dapat mengalir dengan lancar dan bertakung. Air yang bertakung memudahkan nyamuk membiak dan bertelur, terutamanya nyamuk aedes. Kami bimbang penduduk di kawasan ini akan dijangkiti penyakit demam denggi.

Taman permainan kanak-kanak di tempat perumahan kami tiada kelengkapan yang sempurna. Rumput padang terlalu panjang kerana tidak dimesin, tambah pula alat-alat permainan kanak-kanak seperti buaian dan gelongsor sangatlah uzur. Ini amat membahayakan kanak-kanak dan boleh menyebabkan kemalangan yang tidak diduga.

Saya bagi pihak penduduk taman ini memohon agar pihak tuan mengambil tindakan sewajarnya untuk mengatasi masalah itu secepat mungkin. Kerjasama dan perhatian daripada pihak tuan amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

.....
(KHAIRUL BIN AHMAD)

Wakil Penduduk, Taman Sungai Serada.

15. Manakah antara yang berikut merupakan tunggak keamanan sesebuah negara ?
- A. rakyat yang suka berjimat cermat
 - B. adanya semangat bersatu padu di kalangan rakyat
 - C. mengutamakan tugas sendiri
 - D. membantu orang susah
16. Apakah tujuan penulis menulis surat kepada Majlis Perbandaran Kuala Terengganu ?
- A. untuk membuat rayuan supaya diadakan tempat membuang sampah
 - B. untuk membuat aduan tentang penduduk taman yang menghidap berbagai-bagai jenis penyakit kulit
 - C. untuk membuat aduan tentang masalah saluran najis yang tersumbat , sampah sarap yang tidak diangkut dan ketiadaan taman permainan kanak-kanak yang sempurna
 - D. untuk membuat aduan tentang penduduk yang dijangkiti penyakit deman denggi
17. Apakah jenis pencemaran yang berlaku di tempat tinggal penulis ?
- A. pencemaran air, udara dan bunyi
 - B. pencemaran air
 - C. pencemaran bunyi
 - D. pencemaran udara
18. Makna bagi perkataan *selongkar* dalam surat di atas adalah
- A. digeledah
 - B. dimakan
 - C. dibuang
 - D. dikais
19. Apakah yang menyebabkan penyakit deman denggi merebak ?
- A. Nyamuk tiruk
 - B. Nyamuk aedes
 - C. Tikus
 - D. Lalat
20. Manakah pernyataan yang **benar** berdasarkan surat di atas ?
- A. penduduk di taman tersebut tidak berpendidikan tinggi
 - B. penduduk di taman tersebut tidak dapat tidur malam
 - C. penduduk di taman tersebut terdedah kepada pencemaran bau dan penyakit deman denggi
 - D. penduduk di taman tersebut tidak diendahkan oleh pihak MPKT

21. _____ itu berlaku kerana salah faham antara mereka berdua.
- A. Permainan
 - B. Pertemuan
 - C. Peraturan
 - D. Pertelingkahan
22. _____ Pak Darus yang sedikit itu tidak cukup untuk menampung keperluan keluarganya kerana anak-anaknya ramai.
- A. Pendapatan
 - B. Peruntukan
 - C. Penerimaan
 - D. Pemberian
23. _____ hasil kraf tangan akan diadakan di pesta itu.
- A. Permainan
 - B. Pertunjukan
 - C. Pameran
 - D. Perasmian
24. Di _____ baju sekolah saya ?” , tanya Azlan kepada ibunya.
- A. bagaimanakah
 - B. manakah
 - C. bilakah
 - D. sinikah
25. Buku cerita ini diterjemahkan _____ bahasa jepun
- A. dari
 - B. pada
 - C. ke
 - D. daripada
26. _____ pagi hingga ke petang Halina asyik menonton televisyen.
- A. dari
 - B. pada
 - C. ke
 - D. daripada
27. Cikgu Hashim telah menegur pelajar _____ apabila dia tidak beratur semasa menaiki bas.
- A. demikian
 - B. begitu
 - C. itu
 - D. begini
28. Emak membuat kuih _____ pukul lapan pagi sehingga tengahari.
- A. dari
 - B. daripada
 - C. ke
 - D. kepada

Pilih golongan kata bagi perkataan bergaris

29. Perdana Menteri yang pertama ialah Tuanku Abdul Rahman yang telah mengistiharkan kemerdekaan negara ini.
- A. Kata Nama Am
 - B. Kata Nama Khas
 - C. Kata Ganti Nama Tunjuk
 - D. Kata ganti Nama Tanya
30. Budak-budak itu suka bermandi di sungai itu.
- A. Kata Nama Am
 - B. Kata Nama Khas
 - C. Kata Ganti Nama Tunjuk
 - D. Kata Ganti Nama Tanya
31. “Di sini rupanya engkau bersembunyi”, kata Rita sambil mengangkat anak kucingnya dari bawah katil.
- A. Kata Nama Khas
 - B. Kata Nama Am
 - C. Kata Ganti Nama Tunjuk
 - D. Kata Ganti Nama Tanya

Pilih jawapan yang sesuai

32. Mariana menangis dengan kuat _____ menghentak-hentakkan kakinya ke lantai.
- A. Tetapi
 - B. Kecuali
 - C. Sambil
 - D. Lalu
33. Kamu boleh duduk di sini _____ kamu boleh duduk di dalam pejabat.
- A. tetapi
 - B. atau
 - C. kecuali
 - D. sambil
34. Pandangan Prakash kabur _____ matanya digenangi air mata.
- A. bila
 - B. walau
 - C. lalu
 - D. apabila
35. Kami sungguh meminati lagu-lagu nyanyian Allahyarham P.Ramlee kerana suaranya sungguh _____
- A. lantang
 - B. indah
 - C. lazat
 - D. merdu

36. Encik Lim mempunyai tiga orang _____ gadis yang cantik.
- A. anak-anak
 - B. anak
 - C. kanak-kanak
 - D. keanak-anak
37. “_____ akan cuba menangkap pencuri itu”, sembah Pak Belalang kepada raja
- A. hamba
 - B. patik
 - C. beta
 - D. aku
38. Walaupun Yusri dan Yusra adalah kembar, _____ ,mempunyai tingkah laku dan kegemarannya yang jauh berbeza.
- A. dia
 - B. beliau
 - C. mereka
 - D. kamu
39. Sebelum _____ keluar dari kelas, pastikan bahawa semua suis elektrik dipadamkan dahulu.
- A. Aku
 - B. Kau
 - C. Kamu
 - D. Kami
40. Mukanya menjadi _____ apabila ternampak lembaga hitam itu.
- A. hitam
 - B. putih
 - C. tebal
 - D. pucat
41. Api dari bangunan yang terbakar itu _____ sehingga ke bumbungnya.
- A. menjilat
 - B. menjulang
 - C. menderu
 - D. menaik
42. Semua peserta ekspedisi makan malam dengan _____ tikar.
- A. berlandaskan
 - B. beralaskan
 - C. berasaskan
 - D. berdasarkan
43. Bilik tidur di tingkat bawah rumah itu _____ dan hanya dapat memuatkan seorang sahaja.

- A. ketat
 - B. padat
 - C. sengit
 - D. kurang
44. Jika diperhatikan _____, kita akan dapat melihat segugus bintang yang ganjil di langit pada waktu malam.
- A. benar-benar
 - B. betul-betul
 - C. hati-hati
 - D. dalam-dalam
45. Pada waktu petang, Asmah selalu menolong ibunya menyapu _____ yang gugur di halaman rumahnya.
- A. pokok-pokok
 - B. kayu-kayan
 - C. daun-daun
 - D. rumput-rumpai

Pilih ayat yang betul sahaja.

46. A. Encik Mahmud dimasukkan ke hospital. Saya terpaksa mengambil alih tugasnya di pejabat.
 B. Encik Mahmud dimasukkan ke Hospital. Saya terpaksa mengambil alih tugasnya di pejabat.
 C. Encik Mahmud dimasukkan ke hospital saya terpaksa mengambil alih tugasnya di pejabat.
 D. Encik Mahmud dimasukkan ke hospital; Saya terpaksa mengambil alih tugasnya di pejabat
47. A. “Selamat pagi, apa khabar?. Nama saya Ramalinggam, tetapi panggilan ringkasnya Rama.”
 B. “selamat pagi, apa khabar?. Nama saya Ramalinggam, Tetapi panggilan ringkasnya ialah Rama”
 C. “Selamat pagi apa khabar?. Nama saya Ramalinggam,, Tetapi panggilan ringkasnya ialah Rama.”
 D. “Selamat pagi Apa khabar?. Nama saya Ramalinggam, tetapi panggilan Ringkasnya ialah Rama.”
48. A. kata guru! “ duduk dengan diam di tempat masing-masing?”
 B. kata guru, “Duduk dengan diam di tempat masing-masing.”
 C. kata guru. “Duduk dengan diam di tempat masing-masing”
 D. kata guru, “ duduk dengan diam di tempat masing-masing.”

49. A. Adalah ini dimaklumkan bahawa sekolah ini akan ditutup sempena sukan Komanwel.
B. Adalah ini dimaklumkan bahawa sekolah ini akan ditutup sempena sukan Komanwel.
C. Dengan ini dimaklumkan bahawa sekolah ini akan ditutup sempena sukan Komanwel.
D. Bahawa ini dimaklumkan bahawa sekolah ini akan ditutup sempena sukan Komanwel.
50. A. “Amboi, Cantiknya cucu nenek hari ini! Zura hendak pergi ke mana,” tanya nenek.
B. “Amboi, cantiknya cucu nenek hari ini! Zura hendak pergi kemana?” tanya nenek.
C. Amboi, cantiknya cucu nenek hari ini! Zura hendak pergi ke mana? Tanya nenek.
D. Amboi cantiknya cucu nenek hari ini! Zura hendak pergi ke mana? tanya Nenek”.